

Bil. (1)dlm.KKM-82/2/6 Bhg.2

Tarikh: 8hb Januari, 1988

Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan  
Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,  
Sabah/Sarawak.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 1 /1988

Pengeluaran Lesen Racun Jenis A Kepada Ahli-Ahli Farmasi

Sepertimana Datuk/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, lesen racun Jenis A dikeluarkan kepada Ahli-ahli Farmasi berdaftar di bawah Seksyen 22, Ordinan Racun, 1952 untuk membolehkan mereka berurusan dengan racun-racun secara runcit, runcit dan borong atau borong sahaja.

2. Untuk menentukan bahawa lesen racun Jenis A hanya dikeluarkan kepada ahli-ahli Farmasi yang benar-benar mengendalikan dan mengawal perniagaan racun-racun, Kementerian ini telah memutuskan seperti berikut :-

- (a) Seorang Ahli Farmasi yang telah diberikan satu lesen racun Jenis A untuk sebuah premis tidak boleh memohon lesen racun tambahan di bawah Ordinan Racun 1952. Ini bermaksud seorang Ahli Farmasi hanya boleh diberi satu lesen untuk sebuah premis perniagaan sahaja.
- (b) Walaupun seorang Ahli Farmasi tidak memegang apa-apa lesen racun bagi firma/institusi dimana beliau sedang bertugas sepenuh masa atau separuh masa, lesen racun tidak boleh dikeluarkan kepadanya jika ia bertujuan hendak bertugas di firma/institusi lain yang menjalankan perniagaan racun secara borong.
- (c) Lesen racun boleh dikeluarkan kepada Ahli Farmasi yang bertugas sepenuh masa atau separuh masa disebuah firma/institusi jika ia memohon lesen racun untuk bertugas di firma lain yang berniaga racun secara runcit dan telah mempunyai perkhidmatan seorang Ahli Farmasi sepenuh masa. Syaratnya ialah beliau tidak memegang lesen racun untuk firma pertama dan masa kerjanya tidak bertindih.


3. Tindakan harus diambil untuk menarik balik lesen-lesen racun yang telah dikeluarkan kepada Ahli Farmasi yang tidak mengikut keputusan-keputusan tersebut. Tempoh enam bulan hendaklah diberikan kepada Ahli Farmasi yang terlibat untuk menyerahkan lesen beliau. Tempoh ini diberi supaya firma-firma yang berkenaan tidak mengalami kerumitan.

.... 4. Bersama-sama ini dilampirkan format baru borang permohonan lesen racun Jenis A untuk menggantikan borang yang sedang digunakan. Sila hubungi Pengarah Perkhidmatan Farmasi Kementerian ini jika ada keraguan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

'CINTAILAH BAHASA KITA'

Saya yang menurut perintah,



~~Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan~~  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

s.k. Pengarah Perkhidmatan Farmasi.

Pengarah,  
Makmal Ubat dan Stor, Petaling Jaya.

Pengarah,  
Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan,  
Petaling Jaya. "


Pegawai Farmasi Negeri.

Ketua Pegawai Farmasi Institusi.

BORANG PERMOHONAN

Kepada:

.....  
.....  
.....  
.....  
.....



Permohonan untuk mendapatkan Lesen Racun  
Jenis A untuk AHLI FARMASI (PHARMACIST)

Untuk Perniagaan: Borong dan runcit/borong sahaja/runcit sahaja\*

Untuk Tempoh: ....hb. ...., 198... hingga 31hb. Disember, 198...

A. Butir-butir Pemohon

1. Nama Pemohon: .....

2. Umur: ..... tahun. Jantina: Lelaki/Perempuan\*

3. No. Kad Pengenalan: ..... Tel. No. (Pejabat) .....

4. Alamat Rumah: .....

..... Tel. No. (Rumah) .....

Nama Syarikat/Farmasi: .....

6. Alamat Syarikat/Farmasi: .....

.....

7. Alamat Stor Racun (Jika lain dari di atas): .....

.....

8. No. Pendaftaran Ahli Farmasi: .....

9. No. Sijil Perakuan Pengkalan Tahunan

(Ahli Farmasi) bagi tahun 19.....

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
JALAN CENDERASARI  
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (4) dlm. KKM-82/2/6 Bhg. 2

// hb Januari, 1988

Semua Pengarah Bahagian,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan,  
Negeri.


Pengarah Perkhidmatan Perubatan,  
Sabah/Sarawak

Semua Pengarah Yayasan Persekutuan

Laporan Nilaiian Prestasi Tahunan 1987

Mengikut peraturan semua Laporan Nilaiian bagi tahun 1987 hendaklah di  
siapkan tidak lewat daripada 25hb Mac 1988. Sila tentukan borang  
Laporan Nilaiian Prestasi Tahunan bagi tuan dan Timbalan tuan yang  
telah disempurnakan dikemukakan ke pejabat ini tidak lewat dari 28hb  
Februari 1988 untuk tindakan saya seterusnya. Dalam hal ini sila lihat  
surat pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan bil. (56) dlm.  
KKM-61(305) Jilid I bertarikh 4hb Januari, 1988.

Saya yang menurut perintah,

  
TAN SRI DATUK (DR) ABDUL KHALID BIN SAHAN  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

-/re